

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama

Sidang 1987/88

RPE 456 - Ekonomi Bandar Dan Wilayah

Tarikh: 28 Oktober 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari.

( 3 jam )

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi EMPAT muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. (a) Terangkan peranan 'Ekonomi Perkelompokan' di dalam lokasi industri.

( 10 markah )

(b) Tuliskan nota ringkas berkenaan dengan berikut:

(i) Peraturan Rank-Saiz

(ii) Teori Lokasi Median

(iii) 'Keluk Williamson'

( 15 markah )

2. (a) Jelaskan ungkapan-ungkapan berikut sebagaimana digunakan di dalam Teori Petempatan Pusat:

(i) Jarak barang

(ii) Had minimum barang

(iii) Tingkat barang

( 10 markah )

...2/-

- (b) Apakah sebenarnya sumbangan Teori Petempatan Pusat kepada anda sebagai seorang perancang bandar?

( 15 markah )

3. Sejauh manakah pertumbuhan wilayah boleh diterangkan oleh Teori Asas Ekonomi?

( 25 markah )

4. KDNK bagi Wilayah Utara dan Malaysia  
(Nilai di dalam \$ Ribu Juta)

Tahun Sektor	WILAYAH UTARA		MALAYSIA	
	1980	1985	1980	1985
Pertanian	4	4.5	10	20
Pembuatan	3	4	10	15
Perkhidmatan	3	7.5	20	25
Jumlah	10	16	40	60

Dengan menggunakan kaedah analisis syif-syer, kirakan syif 'pertumbuhan' dan syif 'struktur' Wilayah Utara bagi tempoh 1980-85 dari jadual di atas. Berikan juga ulasan kepada jawapan anda.

( 25 markah )

5. (a) Terangkan 'unsur-unsur pertumbuhan' di dalam konsep khutub pertumbuhan.

( 10 markah )

...3/-

- (b) Mengapakah Strategi Khutub Pertumbuhan begitu popular di kalangan negara-negara membangun untuk mengatasi masalah pembangunan wilayah?

( 15 markah )

6. Jadual Masukan-Keluaran bagi Tahun 1987  
(Nilai di dalam \$ Juta)

Sektor	Pertanian	Pembuatan	Permintaan Akhir
Pertanian	0	90	210
Pembuatan	120	0	60
Bayaran-bayaran lain	180	90	0

Berdasarkan jadual di atas,

- (a) Kirakan jumlah pengeluaran bagi kedua-dua sektor bagi tahun 1987.

( 4 markah )

- (b) Sekiranya Permintaan Akhir bagi Sektor Pertanian meningkat sebanyak \$90 juta dan sektor Perkhidmatan sebanyak \$40 juta bagi tempoh 1987-90, kirakan jumlah pengeluaran bagi kedua-dua sektor bagi tahun 1990.

( 21 markah )

( Nota: Sekiranya matriks A =  $\begin{bmatrix} a_{11} & a_{12} \\ a_{21} & a_{22} \end{bmatrix}$

$$\text{Oleh itu } A^{-1} = \frac{1}{a_{11}a_{22} - a_{12}a_{21}} \begin{bmatrix} a_{22} - a_{12} \\ -a_{21} & a_{11} \end{bmatrix}$$

...4/-

7. (a) Sekiranya pasaran bebas menghasilkan pengagihan guna tanah yang berkesan, mengapakah perlunya penglibatan pihak berkuasa untuk merancangkan guna tanah?  
( 15 markah )
- (b) Terangkan pengaruh perancang bandar keatas nilai tanah.  
( 10 markah )
8. (a) Bincangkan faktor-faktor utama yang mempengaruhi permintaan guna tanah kediaman.  
( 10 markah )
- (b) Pada pendapat anda, mengapakah berlakunya ketidak-seimbangan penawaran dan permintaan perumahan di negara kita?  
( 15 markah )